2. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan berpandukan piawaian pengauditan yang diluluskan. Piawaian tersebut menghendaki pengauditan dirancang dan dilaksanakan untuk mendapat kepastian yang munasabah sama ada penyata kewangan adalah bebas daripada kesilapan atau ketinggalan yang ketara. Pengauditan itu termasuk memeriksa rekod secara semak uji, menyemak bukti yang menyokong angka dan memastikan pendedahan yang mencukupi dalam penyata kewangan. Penilaian juga dibuat terhadap prinsip perakaunan yang digunakan dan penyampaian penyata kewangan secara keseluruhan.

3. Kecuali apa yang dinyatakan oleh saya di perenggan 2.1 dan 2.2 dalam Laporan Ketua Audit Negara, pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberi gambaran yang benar dan saksama terhadap kedudukan kewangan Majlis Daerah Perak Tengah pada 31 Disember 2007, hasil operasi dan aliran tunainya untuk tahun tersebut berdasarkan piawaian perakaunan yang diluluskan.

IPOH

Bertarikh 13 Oktober 2008

t.t.

(DATIN SERI SHAMSIAH BINTI HAJI DAUD)

b.p. Ketua Audit Negara

Malaysia

**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
MAJLIS DAERAH PERAK TENGAH
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

Laporan Ketua Audit Negara ini hendaklah dibaca bersama-sama dengan Sijil Ketua Audit Negara bagi menyokong pendapat Audit terhadap Penyata Kewangan tersebut.

2. Pemerhatian Audit terhadap Penyata Kewangan adalah seperti berikut:

2.1 Penghutang dan Pemiutang Projek Pembangunan Rumah Kos Rendah Seri Iskandar

2.1.1 Penghutang Pembangunan—RM3.99 juta

Sejumlah RM3.99 juta penghutang Projek Pembangunan Rumah Kos Rendah Seri Iskandar yang terdiri dari baki hutang pembeli rumah kos rendah sebanyak RM2.74 juta dan jumlah lot-lot kosong atau tidak dapat dijual sebanyak RM1.25 juta tidak dapat disahkan disebabkan ketiadaan rekod dan dokumen sokongan yang lengkap.

2.1.2 Pemiutang Pembangunan—RM5.41 juta

Sejumlah RM5.41 juta pemiutang Rumah Kos Rendah (Angkasa Tiram Sdn. Bhd.) tidak dapat disahkan disebabkan ketiadaan rekod dan dokumen sokongan yang lengkap.

2.2 Projek Pembangunan Rumah Kos Rendah Seri Iskandar

Pihak Majlis telah membuat pelarasan setelah memperoleh amaun penghutang sejumlah RM3.99 juta dan pemiutang sejumlah RM5.41 juta dan kemudiannya mengakaunkan lebihan amaun secara '*balancing figure*' ke dalam akaun Kumpulan Wang Terkumpul. Tiada pengiktirafan atau kerugian dibuat terhadap projek rumah kos rendah ini.

3. Selain daripada mengesahkan Penyata Kewangan tersebut, semakan Audit juga dibuat terhadap prestasi kewangan Majlis Daerah Perak Tengah. Hasil semakan itu dinyatakan dalam perenggan berikut:

3.1 Pada tahun 2007, Majlis telah mengakhiri tahun kewangannya dengan mencatat lebihan pendapatan sejumlah RM2.93 juta berbanding tahun 2006 mencatat kurangan pendapatan berjumlah RM1.77 juta. Lebihan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam pendapatan pada tahun semasa. Faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan pendapatan sebanyak RM1.87 juta adalah melalui Sumbangan daripada Kerajaan Negeri Perak sejumlah RM506,000 dan Kerajaan Persekutuan sejumlah 2.12 juta. Selain itu, pengurangan perbelanjaan sebanyak RM2.26 juta turut menyumbang kepada lebihan pendapatan tahun semasa.

- 3.2 Kecairan tunai semasa Majlis telah meningkat kepada RM2.97 juta dari RM1.54 juta pada tahun 2006. Selain itu, tanggungan Majlis juga dilaporkan telah meningkat kepada RM8.41 juta dari RM5.04 juta pada tahun 2006.
4. Langkah-langkah pembetulan yang sewajarnya hendaklah diambil oleh pihak pengurusan Majlis Daerah Perak Tengah untuk meningkatkan lagi akauntabiliti awam.

IPOH

Bertarikh 13 Oktober 2008

t.t.

(DATIN SERI SHAMSIAH BINTI HAJI DAUD)

*b.p. Ketua Audit Negara
Malaysia*

PENYATA AHLI-AHLI MAJLIS

Kami, Mohamed @ Mohamed Daud bin Mat Aras dan Abu Hassan bin Johor yang merupakan Ahli Majlis, Majlis Daerah Perak Tengah, dengan ini menyatakan bahawa pada pendapat kami, Lembaran Imbalan, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dan nota-nota di dalamnya adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan Majlis Daerah Perak Tengah pada 31 Disember 2007 dan hasil kendaliannya dan perubahan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

Bagi Pihak Lembaga Ahli Majlis

t.t.

MOHAMED @ MOHAMED DAUD

BIN MAT ARAS

Tarikh: 10 Oktober 2008

t.t.

ABU HASSAN BIN JOHOR

Tarikh: 10 Oktober 2008

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

274

[21hb Jan. 2010]

PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN

Saya, Hasim bin Hasan, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas kewangan Majlis Daerah Perak Tengah, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbangian, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan Nota-nota di dalamnya, mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah benar dan saya membuat pengakuan ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ianya itu adalah benar dan menurut kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun 1960.

Ditandatangani dan diakui oleh)
penama yang tersebut di atas) t.t.
di Seri Iskandar)
pada 10 Oktober 2008) HASIM BIN HASAN
Yang Dipertua
Majlis Daerah Perak Tengah

Di hadapan saya,

t.t.
KAMARUDDIN BIN AWANG
Pesuruhjaya Sumpah

LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2007

	Nota	2007	2006
		RM	RM
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, Loji dan Peralatan	4	17,781,834	15,641,316
Harta Pelaburan	5	153,332	231,982
Kerja Dalam Perlaksanaan	6	1,154,970	2,334,251
ASET SEMASA			
Penghutang	7	4,588,891	2,962,090
Penghutang Pembangunan	8	4,323,067	409,620
Pendahuluan Pinjaman	9	45,920	50,631
Simpanan Tetap	10	1,210,894	610,894
Wang Di Bank dan Di Tangan	11	1,754,890	930,621
Pembangunan Projek Seri Iskandar	12	0	1,592,534
		<hr/> 11,923,662	<hr/> 6,556,390

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

275

	Nota	2007	2006
		RM	RM
LIABILITI SEMASA			
Pemutang	13	1,582,630	2,225,393
Pemutang Pembangunan	14	6,362,732	904,019
Terimaan Terdahulu	15	62,464	17,094
Cagaran	16	295,365	274,166
Pembangunan Kg. Tersusun	17	0	108,900
Pinjaman Jangka Pendek	18	109,029	1,508,094
		<hr/> 8,412,220	<hr/> 5,037,666
ASET SEMASA BERSIH		<hr/> 3,511,442	<hr/> 1,518,724
ASET BERSIH		<hr/> 22,601,578	<hr/> 19,726,273

Dibiayai Oleh:

Kumpulan Wang	19	4,370,621	3,844,183
Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	20	15,723,294	14,664,464

LIABILITI BUKAN SEMASA

Pinjaman Jangka Panjang	18	2,507,663	1,217,626
		<hr/> 22,601,578	<hr/> 19,726,273

PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

	Nota	2007	2006
		RM	RM
PENDAPATAN			
Hasil Cukai	21	3,954,098	4,009,711
Hasil Bukan Cukai	22	928,084	975,724
Terimaan Bukan Hasil	23	3,806,534	1,259,873
JUMLAH		<hr/> 8,688,716	<hr/> 6,245,308

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

276

[21hb Jan. 2010]

	Nota	2007	2006
		RM	RM
PERBELANJAAN			
Emolumen	24	1,898,621	1,817,672
Perkhidmatan Dan Bayaran Perkhidmatan	25	1,969,502	1,519,381
Harta Modal	26	252,541	218,224
Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap	27	42,534	0
Perbelanjaan-Perbelanjaan Lain	28	853,735	3,915,103
Pembangunan	29	144,315	0
Susutnilai	4	593,241	545,744
JUMLAH		5,754,489	8,016,124
LEBIHAN/(KURANGAN)		2,934,227	(1,770,816)
PENDAPATAN ATAS PERBELANJAAN			

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

277

PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007

Nota	Kumpulan Wang Terkumpul	Kumpulan Wang Pinjaman Kenderaan	Kumpulan Wang Pinjaman Komputer	Kumpulan Wang Pembangunan	Kumpulan Wang Lain-Lain	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Pada 1hb Januari 2006	4,546,640	75,000	25,000	0	0	4,646,640
Kurangan Pendapatan bagi tahun	(1,770,816)	0	0	0	0	(1,770,816)
Tambahahan	0	0	0	0	0	0
Baki Pada 31 Disember 2006	2,775,824.00	75,000	25,000	0	0	2,875,824
Pelarasan Tahun Lalu	968,359.00	0	0	0	0	968,359
Baki Pada 31 Disember 2006	3,744,183	75,000	25,000	0	0	3,844,183
Dinyatakan semula						
Lebihan Pendapatan bagi Tahun	2,934,227	0	0	0	0	2,934,227
Tambahahan Sumbangan Semasa	0	0	0	457,363	65,988	523,351
Perbelanjaan	0	0	0	99,910	61,524	161,434
Pelarasan tahun lepas	(2,769,706)	0	0	0	0	(2,769,706)
seperiti yang dinyatakan semula						
Baki Pada 31 Disember 2007	3,908,704	75,000	25,000	357,453	4,464	4,370,621

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

278

[21hb Jan. 2010]

**PENYATA ALIRAN TUNAI
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2007**

	2007	2006
	RM	RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas perbelanjaan		
Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas perbelanjaan	2,934,227	(1,770,816)
Pelarasan untuk perkara-perkara yang tidak melibatkan pergerakan tunai		
Faedah atas pinjaman	22,534	0
Susutnilai	593,241	509,756
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan yang Dimodalkan	(501,080)	(433,547)
Hapuskira	797,333	0
Kerugian Atas Pelupusan Aset	43,301	0
Lebihan/Kurangan Pendapatan Sebelum Perubahan Modal Kerja	3,889,556	(1,694,607)
 (Pertambahan)/Pengurangan Dalam Modal Kerja		
Penghutang	(2,300,639)	3,516,687
Penghutang Pembangunan	(3,913,447)	(17,099)
Pendahuluan Pinjaman	6,711	(8,100)
Pemiutang	(642,763)	772,116
Pemiutang Pembangunan	5,458,713	(1,186,360)
Terimaan Terdahulu	45,370	52,640
Cagaran	21,199	0
Pembangunan Kg. Tersusun	(108,900)	0
Pembangunan Projek Seri Iskandar	1,592,534	(299,154)
Kumpulan Wang Lain-lain	4,464	0
Tunai Dari Aktiviti Operasi	4,052,798	1,136,123

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

279

	2007 RM	2006 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian Hartanah, Loji & Peralatan	(2,343,634)	(329,264)
Harta Modal	<u>(153,332)</u>	<u>0</u>
Tunai digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(2,496,966)</u>	<u>(329,264)</u>

ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI KEWANGAN		
Bayaran Balik Pinjaman	(131,563)	0
Tunai digunakan dalam Aktiviti Pelaburan	<u>(131,563)</u>	<u>0</u>
Pertambahan/(Pengurangan) Bersih Dalam Tunai dan Kesetaraan Tunai dalam Tahun	1,424,269	806,859
Tunai dan kesetaraan tunai pada 1 Jan	<u>1,541,515</u>	<u>734,656</u>
Tunai dan kesetaraan tunai pada 31 Dis	<u>2,965,784</u>	<u>1,541,515</u>

Tunai dan kesetaraan tunai diwakili oleh:

Simpanan Tetap	1,210,894	610,894
Wang Di Bank dan di Tangan	1,754,890	930,621
	<u>2,965,784</u>	<u>1,541,515</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN 31 DISEMBER 2007

1. MAKLUMAT ORGANISASI

1.1 VISI

Ke arah penyediaan perkhidmatan yang berkualiti, efektif dan efisyen.

- Mengawal pembangunan supaya ianya terancang dan sistematik.
- Meluluskan dan mengawal perlesenan.
- Mengutip cukai taksiran am.
- Menyediakan dan memberi kemudahan awam.
- Memastikan kebersihan kawasan pada tahap memuaskan.

1.2 AKTIVITI UTAMA

Menjamin perkhidmatan yang cekap, mesra dan berkualiti kepada setiap pelanggan dan sentiasa berusaha menjadikan kawasan Majlis Daerah Perak Tengah bersih, indah dan gedung ilmu.

1.3 STRUKTUR ORGANISASI

Majlis terdiri daripada 6 jabatan iaitu:

- 1.3.1 Jabatan Pentadbiran dan Urusetia
- 1.3.2 Jabatan Kewangan dan Akaun
- 1.3.3 Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta
- 1.3.4 Jabatan Kesihatan dan Kebersihan
- 1.3.5 Jabatan Perancangan dan Pembangunan
- 1.3.6 Jabatan Undang-Undang dan Penguatkuasaan

1.4 PERJAWATAN

Kumpulan Perjawatan	Perjawatan	Taraf Jawatan	Diisi
Pengurusan & Profesional	1	Tetap	1
Sokongan I	27	Tetap Kontrak Sambilan	17 10 2
Sokongan II	82	Tetap Sambilan	58 24

1.5 PENGURUSAN MAJLIS

Majlis terdiri daripada Yang Dipertua, 18 Ahli Majlis dan Setiausaha yang bertindak di dalam ruang lingkup kuasa yang diberi di bawah:

- i. Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171),
- ii. Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 160)
- iii. Akta Kawalan Perancang (Akta 133),
- iv. Undang-Undang Kecil yang diluluskan.

Lembaga/Jawatankuasa -Jawatankuasa yang diwujudkan terdiri daripada:

- i. Jawatankuasan Taksiran dan Rayuan Taksiran
- ii. Jawatankuasa Kebersihan, Pengindahan dan Landskap
- iii. Jawatankuasa Perancangan dan Pembangunan
- iv. Jawatankuasa Pelesenan dan Penguatkuasa
- v. Lembaga Tata tertib, Perlantikan dan Kenaikan Pangkat
- vi. Jawatankuasa Tender, Sebutharga dan Pelupusan
- vii. Jawatankuasa Juru Audit Dalam

1.6 SUMBER KEWANGAN

Majlis memperolehi pembiayaan melalui hasil daripada aktiviti-aktiviti utama serta sumbangan dari apda Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan.

2. POLISI PENGURUSAN RISIKO KEWANGAN

Polisi pengurusan risiko kewangan Majlis bertujuan untuk memastikan sumber kewangan Majlis adalah mencukupi bagi tujuan operasi dan pembangunan yang telah dirancang. Majlis beroperasi berdasarkan garis panduan dan polisi-polisi yang dibenarkan dan tidak terlibat dalam sebarang aktiviti spekulasi.

2.1 RISIKO KECAIRAN DAN ALIRAN TUNAI

Risiko kecairan merupakan risiko bahawa entiti akan menghadapi kesukaran dalam dana bagi memenuhi obligasi semasa dan masa depan yang berkaitan dengan obligasi kewangan apabila telah sampai tempoh.

Risiko kecairan dan aliran tunai diuruskan melalui pengurusan modal kerja bagi memastikan aliran tunai sentiasa mencukupi. Pihak Majlis mempunyai bantuan kewangan yang mencukupi bagi memenuhi keperluan semasa.

2.2 RISIKO KREDIT

Risiko kredit adalah berkemungkinan bagi kerugian yang berpunca daripada kegagalan penghutang atau pihak berhubungan untuk memenuhi obligasi kontrak mereka.

Pengurusan risiko kredit dilaksanakan melalui penilaian kredit dalaman bagi risiko kredit yang matan.

3. DASAR-DASAR PERAKAUNAN

3.1 ASAS PERAKAUNAN

3.1.1 Kos Sejarah

Penyata Kewangan ini disediakan berdasarkan konvensyen kos sejarah selain daripada dalam nota-nota kepada penyata kewangan dan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia.

3.1.2 Pengiktirafan Pendapatan

i. Hasil Kendalian Operasi

Pendapatan daripada kendalian/operasi Majlis diiktiraf menggunakan kaedah asas akruan seperti cukai taksiran, carum bantu kadar, sewaan kecuali sewa kediaman, padang dan gelanggang, peralatan dan tapak penjaja. Notis dan faedah simpanan tetap berkonsepkan konvensional akan diiktiraf sebagai pendapatan tahun semasa dengan menggunakan asas akruan. Pendapatan daripada kendalian/operasi selain daripada yang tersebut di atas diiktiraf berdasarkan asas tunai yang mana perlu.

ii. Terimaan Bukan Hasil

Pendapatan-pendapatan lain seperti bantuan dan sumbangan dariapda Kerajaan Negeri dan Persekutuan atau lain-lain pendapatan yang berkelaziman atau di bawah kehendak mana-mana Akta dan arahan akan diiktiraf secara akruan.

ii. Keuntungan Simpanan Tetap

Penerimaan keuntungan untuk simpanan tetap sistem perbankan secara Islam diambilkira berdasarkan asas tunai.

3.1.3 Pengiktirafan Perbelanjaan

Perbelanjaan diiktiraf sebagai perbelanjaan di dalam tahun semasa dengan menggunakan asas akruan.

3.2 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul terkumpul dan nilai aset terjejas, jika ada. Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai menggunakan asas sama rata supaya kos harta-harta tersebut dilunaskan sepanjang tempoh jangkaan usiaguna harta tersebut.

Harta yang berjumlah RM1000 dan ke atas akan dipermodalkan sebagai harta tanah, loji dan peralatan. Bagi harta yang berjumlah kurang dari RM1000 akan dicajkan sebagai perbelanjaan dipenyata pendapatan.

Pengiktirafan susutnilai atas harta dilakukan hanya bagi pembelian harta sebelum atau pada 30hb. Jun setiap tahun dengan mengambilkira peruntukan total untuk setahun tanpa mengambilkira bulan dibeli.

Tanah milik bebas tidak disusunilai.

Kadar-kadar susutnilai tahunan yang digunakan adalah seperti berikut:-

Tanah Milik Pajak : Tempoh Pajakan 99 tahun

Bangunan : 2% setahun

Gerai : 5% setahun

Kenderaan : 20% setahun

Peralatan : 25% setahun

Perabot & Kelengkapan Pejabat : 10% setahun

Loji & Mesin : 25% setahun

Mini Stadium : 2% setahun

3.3 CARUM BANTU KADAR

Pemberian Carum bantu Kadar adalah berdasarkan kepada Caruman/pemberian yang diluluskan samada oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri dan lain-lain pihak yang terlibat dan direalisasikan sebagai pendapatan mengikut tahun tuntutan.

3.4 PENDAPATAN GERAN

- 3.4.1 Geran pembangunan berkaitan perbelanjaan modal yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan. Amaun yang digunakan dalam tahun akan diambilkira di dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada tempoh hayat berkenaan yang bersamaan dengan susutnilai yang dikenakan.
- 3.4.2 Geran pengurusan yang diterima daripada Kerajaan akan dikreditkan ke akaun Geran Kerajaan Mengurus dan akan diambilkira di dalam penyata pendapatan dalam tahun sama di mana geran tersebut digunakan bagi perbelanjaan yang dibenarkan.

3.5 KERJA DALAM PERLAKSANAAN

Kerja dalam Perlaksanaan adalah kerja-kerja yang masih belum disempurnakan pada akhir tahun kewangan dan dinyatakan pada nilai kos mengikut kaedah siap dilaksanakan.

3.6 PINJAMAN

Pinjaman yang diperolehi daripada mana-mana Kerajaan, Agensi dan lain-lain pihak diperakaunkan berdasarkan syarat-syarat yang dipersetujui bersama dan dinyatakan di Lembaran Imbangan sebagai Pinjaman Jangka Pendek dan Pinjaman Jangka Panjang - Pinjaman Dari Kerajaan Negeri. Pinjaman Jangka Pendek adalah jumlah yang akan dibayar dalam masa setahun selepas tahun perakaunan.

3.7 KEMUDAHAN AWAM

Kemudahan awam adalah harta yang berkaitan dengan kepentingan dan tidak diiktiraf sebagai harta tanah, loji dan peralatan dan diambilkira di bawah harta modal dalam Penyata Pendapatan.

3.8 PENGHUTANG

Hutang-hutang lapuk yang dikenalpasti akan dihapuskirakan.

4. HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN
4.1 HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

	2007	Tanah	Pejabat	Bangunan	Gerai	Kenderaan	Perabot dan Ketengkapan Pejabat	Peralatan	Loji dan Mesin	Mini Stadium	Jumlah
		RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Awal Tahun	11,961	45,300	15,159,564	2,877,196	1,274,169	701,400	17,110	164,842	214,134	20,465,676	
Tambahan	0	0	2,602,375	29,939	96,953	66,158	40,400	1,890	0	2,837,715	
Pelupusan	0	0	(146,650)	0	(106,765)	0	0	0	0	(253,415)	
Baki Akhir Tahun	11,961	45,300	17,615,289	2,907,135	1,264,357	767,558	57,510	166,732	214,134	23,049,976	
<hr/>											
Susunilai Terkumpul											
Baki Awal	1,210	0	2,204,281	880,272	1,093,773	512,672	17,108	81,388	33,656	4,824,360	
Tambahan	121	0	302,991	138,415	89,002	34,055	0	24,374	4,283	593,241	
Pelupusan	0	0	(42,695)	0	(106,764)	0	0	0	0	(149,459)	
Baki Akhir	1,331	0	2,464,577	1,018,687	1,076,011	546,727	17,108	105,762	37,939	5,268,142	
Nilai Buku Bersih	10,630	45,300	15,150,712	1,888,448	188,346	220,331	40,402	60,970	176,195	17,781,834	

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

285

2006		Tanah Pejabat Kg. Gajah	Bangunan	Gerai	Kenderaan	Perabot dan Kelengkapan Pejabatan	Peralatan Loji dan Mesin	Mini Stadium	Jumlah
	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM	RM
Baki Awal	11,961	-	14,291,842	2,737,316	1,188,252	553,974	17,110	107,762	214,134
Tambahan	-	45,300	961,553	139,880	95,757	149,076	-	57,080	-
Pelupusan	-	-	(93,831)	-	(9,840)	(1,650)	-	-	(105,321)
Baki Akhir Tahun	11,961	45,300	15,159,564	2,877,196	1,274,169	701,400	17,110	164,842	214,134
Susutnilai Terkumpul									
Baki Awal	1,089	-	1,925,364	747,607	1,033,759	494,502	17,108	65,802	29,373
Tambahan	121	-	305,067	132,665	69,852	18,170	-	15,586	4,283
Pelupusan	-	-	(26,150)	-	(9,838)	-	-	-	(35,988)
Baki Akhir	1,210	-	2,204,281	880,272	1,093,773	512,672	17,108	81,388	33,656
Nilai Buku Bersih	10,751	45,300	12,955,283	1,996,924	180,396	188,728	2	83,454	180,478
									15,641,316

4.2 TANAH MILIK BEBAS

Bayaran RM45,300 adalah bayaran bagi permohonan pelepasan sebahagian tanah Persekutuan P.T. 1387 (H.S.M 495) Mukim Kampung Gajah kepada Kerajaan Negeri Perak bagi tujuan Pejabat Majlis Daerah Perak Tengah Cawangan Kampung Gajah. Hakmilik belum dikeluarkan oleh Pejabat Tanah Kampung Gajah.

Tanah Milik Pajakan

Bayaran RM11,300 adalah bayaran premium untuk bangunan kedai 5 pintu di Pekan Bota yang diusahakan oleh PKNP dan diserahkan kepada Majlis Daerah Perak Tengah.

	2007 RM	2006 RM
5. HARTA PELABURAN		
Item stok di klasifikasikan kepada harta pelaburan Harta Pelaburan (1998:Stok) merujuk kepada 27 Lot yang meliputi tanah seluas 1,422,290 kaki persegi di Lot Industri Taman Teknologi	153,332	231,982
	153,332	231,982
6. KERJA DALAM PERLAKSANAAN		
Membina Bangunan Bazar Perniagaan Di Pekan Parit	1,154,970	355,113
Membina Rumah Rehat Parit	0	1,979,138
	1,154,970	2,334,251
7. PENGHUTANG		
Cukai Taksiran Am	1,405,827	1,843,569
Carum Bantu Kadar	2,104,139	326,371
Sewa Gerai	439,222	477,935
Rumah Kedai	634,834	310,833
Pelbagai	4,869	3,382
	4,588,891	2,962,090
8. PENGHUTANG PEMBAGUNAN		
Lot Banglo Seri Iskandar	270,316	278,640
Lot Banglo Kampung Gajah	60,863	130,980
Rumah Kos Rendah	3,991,888	0
	4,323,067	409,620

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

287

	2007 RM	2006 RM
9. PENDAHULUAN PINJAMAN		
Pendahuluan Kenderaan:	31,093	30,503
Baki pada 1hb. Jan		
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	9000	12,500
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	<u>13,136</u>	<u>11,910</u>
Baki pada 31hb. Dis	<u>26,957</u>	<u>31,093</u>
Pendahuluan Komputer:		
Baki pada 1hb. Jan	19,538	12,027
Campur:		
Pinjaman Diberi Dalam Tahun	8,300	12,500
cr. pada 31.12.2007	104	
Tolak:		
Bayaran Balik Dalam Tahun	<u>8,979</u>	<u>4,989</u>
Baki pada 31hb. Dis	<u>18,963</u>	<u>19,538</u>
	<u><u>45,920</u></u>	<u><u>50,631</u></u>
10. SIMPANAN TETAP		
Baki pada 1hb Januari	610,894	125,894
Campur:		
Penambahan Dalam Tahun	1,000,00	800,000
Tolak:		
Pengeluaran Dalam Tahun	<u>400,000</u>	<u>315,000</u>
Baki pada 31hb. Disember	<u>1,210,894</u>	<u>610,894</u>
11. WANG DI BANK DAN DI TANGAN		
Wang Dalam Bank		
BPM, Seri Iskandar	256,932	329,500
CIMB, Batu Gajah	1,439,334	552,427
BPM, Pinjaman Kenderaan	50,940	46,063
BPM, Pinjaman Komputer	3,079	2,285
BIMB, Seri Iskandar	4,585	0
Panjar Wang Runcit	<u>20</u>	<u>346</u>
	<u><u>1,754,890</u></u>	<u><u>930,621</u></u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

288

[21hb Jan. 2010]

	2007 RM	2006 RM
12. PEMBANGUNAN PROJEK SERI ISKANDAR		
Baki pada 1hb. Jan	1,592,534	1,293,380
*Pelarasan Dalam Tahun	(1,616,834)	0
Tambah:		
Penerimaan Dalam Tahun	(9,000)	(11,250)
Tolak:		
Pembayaran Dalam Tahun	<u>33,300</u>	<u>310,404</u>
Baki pada 31hb. Dis	<u>0</u>	<u>1,592,534</u>
* Pelarasan untuk menunjukkan pembiayaan pembangunan		
13. PEMIUTANG		
Pelbagai Pemiutang	1,512,710	2,172,408
Bayaran Audit	9,078	8,679
Kutipan Bekalan Air	31,307	44,306
Cek Habis Tempoh	<u>29,535</u>	<u>0</u>
Sewa Dewan	<u>1,582,630</u>	<u>2,225,393</u>
14. PEMIUTANG BANGUNAN		
Lot Banglo Seri Iskandar	265,153	435,153
Lot Banglo Kampung Gajah	468,866	468,866
Kedai Pejabat Seri Iskandar	216,150	0
Rumah Kos Rendah	5,410,563	0
Tuntutan Tribunal	<u>2,000</u>	<u>0</u>
	<u>6,362,732</u>	<u>904,019</u>
15. TERIMAAN TERDAHULU		
Cukai Taksiran Am	6,968	5,416
Caruman Bantu Kadar	7,992	6,096
Sewa Gerai	5,527	3,579
Pinjaman Kenderaan	297	2
Pinjaman Komputer	192	1
Lot Banglo Seri Iskandar	21,100	0
Lot Banglo Kg. Gajah	973	0
Rumah Kos Rendah	19,415	0
Landskap Negara	<u>0</u>	<u>2,000</u>
	<u>62,464</u>	<u>17,094</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

289

	2007 RM	2006 RM
16. CAGARAN		
Pelbagai Cagaran	<u>295,365</u>	<u>274,166</u>
	<u>295,365</u>	<u>274,166</u>
17. PEMBANGUNAN KAMPUNG TERSUSUN		
Baki pada 1hb. Jan	108,900	108,900
Pelarasan	(108,900)	
0		
Baki pada 31hb. Jan	<u>0</u>	<u>108,900</u>
18. PINJAMAN		
Jangka Pendek	109,029	1,508,094
Jangka Panjang	<u>2,507,663</u>	<u>1,217,720</u>
	<u>2,616,692</u>	<u>2,725,720</u>

i. Pinjaman Membaiayai Kos Pembinaan 20 Unit Rumah Kedai Di Bandar Baru Seri Iskandar

Pinjaman berjumlah RM1,500,000 dengan bayaran balik dalam masa 15 tahun di mana tempoh penangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula September 1998 dengan kadar 4% setahun. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuat Perjanjian Tambahan serta penjadualan semula pembayaran balik bagi baki pinjaman tersebut dan bersetuju untuk meminda Perjanjian Asal. Perjanjian Tambahan ditandatangani 23 Jun 2006 dengan baki pinjaman sebanyak RM1,748,455.04. Bayaran balik bermula 11 Januari 2007 iaitu sebanyak RM69,938.20 setahun.

Pinjaman Untuk Membina Sebuah Kompleks Perniagaan Di Pusat Bandar Kampung Gajah

Pinjaman berjumlah RM1,500,000 dengan bayaran balik dalam masa 8 tahun di mana tempoh penangguhan selama 2 tahun. Bayaran balik bermula 13 Januari 2001 dengan kadar 4% setahun. Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk membuat Perjanjian Tambahan serta penjadualan semula bayaran bagi baki pinjaman tersebut dan bersetuju untuk meminda Perjanjian Asal. Perjanjian Tambahan ditandatangani 23 Jun 2006 dengan baki pinjaman sebanyak RM1,540,625.25. Bayaran balik bermula pada 11 Januari 2007 iaitu sebanyak RM61,625.01 setahun.

2007	2006
RM	RM

19. KUMPULAN WANG**19.1 KUMPULAN WANG TERKUMPUL**

Lebihan/(Kurangan) Pendapatan atas Perbelanjaan bagi tahun:	2,934,227	(1,770,816)
---	-----------	-------------

Baki pada 1hb. Januari		
Seperti yang dilaporkan dahulu:	3,744,183	4,546,640
Pelarasan tahun lepas:	<u>(2,769,706)</u>	<u>968,359</u>
Seperti yang dinyatakan semula:	<u>974,477</u>	<u>5,514,999</u>
 Baki pada 31hb. Disember	<u><u>3,908,704</u></u>	<u><u>3,744,183</u></u>

19.2 KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Baki pada 1hb. Januari	0	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	457,363.00	0
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	<u>99,910.00</u>	<u>0</u>
 Baki pada 31hb. Disember	<u><u>357,453</u></u>	<u><u>0</u></u>

Baki Kumpulan Wang Pembangunan terdiri daripada pemberian dari Kerajaan Pusat untuk membiayai projek-projek yang telah diluluskan dan dikontrakkan.

19.3 KUMPULAN WANG LAIN

Baki pada 1hb. Januari	0	0
Tambah: Penerimaan Dalam Tahun	<u>65,988</u>	<u>0</u>
Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan	<u>65,988</u>	<u>0</u>
Tolak: Pembayaran Dalam Tahun	<u>61,524</u>	<u>0</u>
Kumpulan Wang Pembasmian Kemiskinan	<u>61,524</u>	<u>0</u>
 Baki pada 31hb. Disember	<u><u>4,464</u></u>	<u><u>0</u></u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

291

20. PEMBERIAN KERAJAAN YANG DIMODALKAN

Ini merupakan geran kerajaan berkaitan dengan harta tanah, loji dan peralatan

2007	Baki Pada 1 Januari	Tambahan Bagi Tahun/ Kurangan	Jumlah diperuntukan Kpd. Pendapatan Bagi Tahun	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	6,882,625	623,237 (68,000)	232,059 (33,200)	7,239,003
Gerai	405,908	29,939	138,285	297,562
Kenderaan	155,798	87,990 (106,765)	88,901 (106,764)	154,885
Perabot & Kelengkapan Pejabat	17,560	11,400	13,178	15,782
Peralatan	2	40,400	0	40,402
Loji & Mesin	83,452	1,890	24,374	60,968
Mini Stadium	70,223	0	4,283	65,940
Kerja Dalam Perlaksanaan	7,048,896	799,856	0	7,848,752
		(174,765)	(139,964)	
Jumlah	14,664,464	1,594,712	501,080	15,723,294

2006	Baki Pada 1 Januari	Tambahan Bagi Tahun/ Kurangan	Jumlah diperuntukan Kpd. Pendapatan Bagi Tahun	Baki Pada 31 Disember
	RM	RM	RM	RM
Bangunan	6,530,168	654,272 (93,831)	234,134 (26,150)	6,882,625
Gerai	399,928	138,580	132,600	405,908
Kenderaan	129,795	95,757 (9,840)	69,752 (9,838)	155,798
Perabot & Kelengkapan Pejabat	30,739	0	13,179	17,560
Peralatan	2	0	0	2
Loji & Mesin	41,958	57,080	15,586	83,452
Mini Stadium	74,506	0	4,283	70,223
Kerja Dalam Perlaksanaan	6,700,983	347,913	0	7,048,896
		(103,671)	(35,988)	
Jumlah	13,908,079	1,293,602	469,534	14,664,464

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

292

[21hb Jan. 2010]

	2007 RM	2006 RM
21. HASIL CUKAI		
Cukai Langsung	959,632	1,006,658
Carum Bantu Kadar	<u>2,994,466</u>	<u>3,003,053</u>
	<u>3,954,098</u>	<u>4,009,711</u>
22. HASIL BUKAN CUKAI		
Lesen, Permit dan Pendaftaran	131,082	217,354
Perkhidmatan dan Bayaran Perkhidmatan	110,063	73,304
Perolehan Dari Jualan Barang-Barang	11,082	18,266
Sewaan	633,382	572,403
Faedah dan Perolehan dari Pelaburan	32,868	30,757
Denda dan Hukuman	8,887	63,640
Sumbangan dan Bayaran Ganti	<u>0</u>	<u>0</u>
	<u>928,084</u>	<u>975,724</u>
23. TERIMAAN BUKAN HASIL		
Pulang Balik Perbelanjaan	0	17,999
Sumbangan daripada Agensi Kerajaan	2,628,746	759,772
Terimaan-terimaan Lain	321,014	12,567
Pindahan Dari Pemberian Kerajaan Yang Dimodalkan	501,080	469,535
Keuntungan Jualan	355,694	0
	<u>3,806,534</u>	<u>1,259,873</u>
24. EMOLUMEN		
Gaji dan Upahan	1,142,119	1,017,280
Elaun Tetap	406,711	355,921
Sumbangan Berkanun Untuk Kakitangan	200,523	180,315
Elaun Lebih Masa	133,171	131,437
Faedah Kewangan Kakitangan Awam	16,097	132,719
	<u>1,898,621</u>	<u>1,817,672</u>

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

293

	2007 RM	2006 RM
25. PERKHIDMATAN DAN BEKALAN		
Perjalanan Dan Sara Hidup	102,255	49,352
Pengangkutan Barang-Barang	503	503
Perhubungan dan Utiliti	168,095	110,004
Sewaan	7,083	5,980
Bekalan Bahan Mentah Untuk Penyelenggaraan dan Pembaikan	212,620	145,703
Bekalan dan Bahan Lain	88,420	49,219
Penyelenggaraan Dan Pembaikan Kecil Yang Dibeli	407,009	187,453
Hospitaliti Yang Dibeli	983,517	971,167
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	1,969,502	1,519,381
26. HARTA MODAL		
Tanah	131,448	103,458
Bangunan	29,016	0
Kemudahan	26,126	37,604
Harta Modal - Harta Modal Yang Lain	59,226	74,425
Binatang, Pokok Dan Benih	6,725	2,737
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	252,541	218,224
27. PEMBERIAN DAN KENAAN BAYARAN TETAP		
Pemberian Dalam Negeri	20,000	0
Faedah, Dividen dan Kenaan Bayaran Yang lain	22,534	0
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	42,534	0
28. PERBELANJAAN-PERBELANJAAN LAIN		
Bayaran-Bayaran Lain	13,055	126,432
Hapuskira	797,333	3,788,671
Kerugian Atas Pelupusan Aset	43,301	0
Caj Bank	46	0
	<hr/> <hr/>	<hr/> <hr/>
	853,735	3,915,103

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

294

[21hb Jan. 2010]

	2007 RM	2006 RM
29. PEMBANGUNAN		
Kedai Pejabat Pusat Bandar Seri Iskandar	1,719	0
Tuntutan Tribunal (Rumah Kos Rendah)	142,596	0
	144,315	0
30. PENGLIBATAN MODAL	2,403,159	2,462,000
Diluluskan dan dikontrakkan:		
Membina Bangunan Bazar Perniagaan di Pekan Parit	409,593	
Memasang Lampu Jalan di Kawasan Jalan Lingkaran Dalam Seri Iskandar	199,940	0
Memasang Lampu Hiasan di Kawasan Pusat Bandar Seri Iskandar	199,850	0
Membina Longkang Konkrit Utama di Taman Indera dan Indera Barat Titi Gantung, Bota	179,760	0
Menaiktaraf Longkang Konkrit di Kawasan Desa Seri Bayu, Bota	144,042	0
Menaiktaraf Longkang Konkrit di Kawasan RPA, Gelung Pepuyu, Bota	97,657	0
Menaiktaraf Jalan di Kawasan RPT, Kg. Gajah	68,540	0
Menaiktaraf Jalan dan Longkang di kawasan Desa Seri Iskandar	127,000	0
Menaiktaraf Jalan di Kawasan Seri Iskandar, Bota	29,261	0
Membina Jalan Keluar dari Bangunan Bajet Hotel	29,143	0
Menaiktaraf 4 unit Gerai di Kawasan Kompleks	29,939	0
Gerai Buah-Buahan Titi Gantong, Bota Penyediaan Perabot dan Kelengkapan di Bangunan Rumah Rehat Cempakasari, Parit	196,794	0
Membina Restoran Terbuka dan Kelengkapan Ruang Makan di Kawasan Rumah Rehat Cempakasari.	196,581	0

WARTA KERAJAAN NEGERI PERAK

21hb Jan. 2010]

295

	2007 RM	2006 RM
Membina Laluan Pejalan Kaki di tebingan Sungai	198,000	0
Memasang Lampu Hiasan disepanjang tebingan Sungai dan kawasan sekitar	197,150	0
Memasang Tambahan Lampu Jalan di Jalan Lingkaran Dalam Seri Iskandar	99,910	0

i. Membina Bangunan Bazar Perniagaan di Pekan Parit

	RM
Kos Asal Kontrak	1,557,363
Bayaran sehingga 31.12.2007	<u>1,147,770</u>
	409,593
Baki	<u>409,593</u>

Hakcipta Pencetak(H)

PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD

Semua Hak Terpelihara. Tiada mana-mana bahagian jua daripada penerbitan ini boleh diterbitkan semula atau disimpan di dalam bentuk yang boleh diperolehi semula atau disarkan dalam sebarang bentuk dengan apa jua cara elektronik, mekanikal, fotokopi, rakaman dan/atau sebaliknya tanpa mendapat izin daripada Percetakan Nasional Malaysia Berhad (Pencetak kepada Kerajaan Malaysia yang dilantik).



DICETAK OLEH
PERCETAKAN NASIONAL MALAYSIA BERHAD,
CAWANGAN IPOH, PERAK DARUL RIDZUAN
BAGI PIHAK DAN DENGAN PERINTAH KERAJANAN MALAYSIA